

## Pembelajaran Jarak Jauh Atas Talian (ODL): Penambahbaikan Kualiti Berterusan (CQI) bagi Penilaian Pelajar untuk Mata Pelajaran “Soil Mechanics (CEG461)”

Oleh: Siti Fatimah Binti Sadikon dan Badrul Nizam Ismail

“Soil Mechanics (CEG461)” adalah mata pelajaran yang diambil pada semester 2 bagi pelajar program EC221. Sepanjang tempoh covid-19 ini, pembelajaran jarak jauh atas talian (ODL) telah dilaksanakan. Bagi kaedah pembelajaran ini, kaedah penilaian pelajar juga telah berubah kepada penilaian atas talian. Pada semester pertama di musim Covid 19, penilaian terdiri daripada empat jenis iaitu Kuiz, Ujian, Tugasan 1 dan Tugasan 2 menggantikan penilaian konvensional yang terdiri daripada Ujian, Tugasan dan Peperiksaan Akhir seperti dalam Jadual 1. Kuiz dan Ujian dibuat secara atas talian dalam tempoh masa yang terhad manakala Tugasan 1 dan 2 diberi tempoh seminggu untuk disiapkan.

Jadual 1: Jenis Penilaian Pelajar “CEG461: Soil Mechanics”

|                           | Jenis penilaian           |             |                 |                         |
|---------------------------|---------------------------|-------------|-----------------|-------------------------|
|                           | Pembelajaran konvensional | Ujian (30%) | Tugasan (10%)   | Peperiksaan akhir (60%) |
| Semester pertama Covid 19 | Ujian (30%)               | Kuiz (10%)  | Tugasan 1 (30%) | Tugasan 2 (30%)         |
| Semester kedua Covid 19   | Ujian 1 (30%)             | Kuiz (10%)  | Tugasan (30%)   | Ujian 2 (30%)           |

Apabila keputusan penilaian diumumkan, ramai pelajar telah mendapat markah yang tinggi dimana lebih lima puluh peratus pelajar mendapat gred A. Perkara ini mungkin terjadi disebabkan oleh markah yang tinggi diperuntukkan bagi Tugasan 1 dan 2 yang mana masa menjawab adalah sangat panjang. Ia menyebabkan kemungkinan tinggi berlakunya plagiarisma di kalangan pelajar. Sehubungan dengan itu, tindakan penambahbaikan kualiti berterusan (CQI) telah diambil bagi mengelak plagiarisma serta mengurangkan peratusan gred A pada semester seterusnya. Penilaian pelajar telah diubah dengan mengurangkan penilaian berbentuk tugasan sebaliknya menambah penilaian berbentuk ujian seperti tertera dalam Jadual 1. Hasil daripada perubahan yang dilakukan, kesannya dapat dilihat apabila keputusan penilaian pelajar diperolehi di akhir semester. Peratusan gred A telah berjaya diturunkan daripada tujuh puluh enam peratus kepada hanya dua belas peratus sahaja.